

BAB 5

5.1 Analisis kajian

Berdasarkan analisis kajian yang di jalankan ke atas 506 soal selidik bagi responden surirumah di kawasan bandar dan luar bandar, kajian ini telah mendapat gambaran sebenar yang ingin ditonjolkan. Bab ini akan cuba untuk menggambarkan tahap kesedaran MSC di kalangan surirumah di kawasan bandar dan luar bandar yang dikaji. Selain dari itu, hasil analisis juga ingin membuktikan beberapa profil seperti yang telah digariskan dalam bab yang pertama.

Kajian ini mendapati bahawa memang wujud perbezaan tahap kesedaran MSC di kalangan surirumah di kawasan bandar dan luar bandar. Keadaan ini didorong oleh beberapa faktor.

Untuk kajian ini, pengkaji telah menggunakan perisian SPSS untuk menganalisis setiap data yang telah diperolehi. Data yang diperolehi di sediakan dalam bentuk jadual dan setiap jadual pengkaji telah menghuraikannya satu demi satu.

Daripada analisis yang di lakukan pengkaji membentuk jadual yang merangkumi keseluruhan soal selidik yang terdapat dalam borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 506 responden sasaran pengkaji iaitu golongan surirumah di kawasan bandar dan luar bandar di lima zon. Lima zon tersebut ialah Zon Pantai Timur (Kelantan dan Terengganu), Zon Utara (Kedah dan Pulau Pinang), Zon Tengah (Kuala Lumpur dan Selangor), Zon Selatan (Johor) dan Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak.

Setiap borang soal selidik yang diedarkan adalah merangkumi 3 bahagian iaitu bahagian A yang berkaitan dengan MSC dan anda. Manakala bahagian B pula adalah berkaitan dengan implementasi kerajaan dan bahagian C pula adalah berkenaan dengan maklumat umum responden.

5.2 Bahagian A : Borang Soal Selidik Adalah Berkaitan Dengan MSC Dan Anda.

Pembolehubah	%(N)
<i>Bilangan</i>	100 (506)
<i>Jantina</i>	
Perempuan	100 (506)
<i>Umur</i>	
Bawah 29	15.8 (80)
29- 36	26.9 (136)
37- 44	23.9 (121)
45 dan ke atas	27.3 (138)
Tidak pasti	6.1 (31)
<i>Etnik</i>	
Melayu	60.5 (306)
Cina	22.7 (115)
India	7.5 (38)
Sabah, Sarawak & Lain-lain	9.3 (47)
<i>Status Perkahwinan</i>	
Berkahwin	95.8 (485)
Bujang	0.2 (1)
Bercerai	2.4 (12)
Duda / Balu	1.6 (8)
<i>Pendapatan</i>	
Kurang dari RM1000	31.8 (161)
RM1000 – RM1999	35.0 (177)
RM2000 – RM2999	15.0 (76)
RM3000 – RM3999	6.1 (31)
RM4000 – RM4999	5.1 (26)
RM5000 – RM9999	3.2 (16)
Lebih dari RM10000	1.8 (9)
Tidak pasti	2.0 (10)

Jadual 5.2.1: Latar Belakang Responden (Surirumah)

Bagi Jadual 5.2.1 iaitu yang berkenaan dengan latar belakang responden di mana responden yang dikaji adalah mereka yang berumur di antara 21 tahun hingga 57 tahun. Responden surirumah yang paling ramai adalah mereka yang berumur antara 45 dan ke

atas iaitu seramai 138 orang (27.3%) dan diikuti mereka yang berumur 29 hingga 36 tahun iaitu seramai 136 orang (26.9%). Walau bagaimanapun ada juga responden yang menyatakan tidak pasti iaitu sebanyak 31 orang (6.1%). Ini mungkin kerana ada di antara mereka yang ingin merahsiakan umurnya.

Kajian kesedaran MSC dijalankan ke atas surirumah yang merangkumi semua etnik di Malaysia seperti Melayu dengan jumlah 306 orang, Cina 115 orang, India 38 orang, Sabah, Sarawak dan lain-lain pula adalah seramai 47 orang. Keadaan ini berdasarkan jumlah kaum terbesar yang terdapat di negara kita. Responden yang dikaji ini adalah terdiri daripada mereka yang telah berkahwin seramai 98.8%, bercerai 2.4% dan balu sebanyak 1.6%. Terdapat seorang responden yang menyatakan status perkahwinannya adalah bujang. Ini berlaku mungkin di sebabkan oleh faktor kecuaiian sewaktu menanda atau sebagainya.

Manakala pendapatan isi rumah pula, kebanyakannya adalah sekitar RM 1,000 hingga RM 1,999 iaitu sebanyak 35.0% dan diikuti dengan pendapatan kurang dari RM 1,000 iaitu sebanyak 31.8%. Kebanyakan isirumah responden yang berpendapatan kurang dari RM 1,000 adalah mereka yang berada di kawasan luar bandar. Namun ada juga pendapatan isi rumah responden yang mempunyai pendapatan lebih dari RM 10,000 iaitu sebanyak 1.8% atau sembilan orang. Mereka yang berpendapatan seperti ini adalah mereka yang tinggal di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dan keseluruhan suami mereka adalah bukan kakitangan kerajaan. Walau bagaimanapun masih ada juga yang menyatakan tidak pasti kerana mereka masih ragu-ragu dengan pengkaji yang menjalankan kajian ini.

Pembolehubah	%(N)
<i>Bilangan</i>	100 (506)
<i>Tahap Pendidikan</i>	
Tiada Pendidikan Formal	2.0 (10)
Sekolah Rendah	19.8 (100)
Sekolah Menengah	62.5 (316)
Kolej/Politeknik	9.3 (47)
Universiti	6.3 (32)
Lain-lain	0.2 (1)

Jadual 5.2.2: Latar Belakang Pendidikan Responden (Surirumah)

Jadual 5.2.2 pula adalah tentang latar belakang pendidikan responden yang dikaji. Rata-rata golongan surirumah yang dikaji adalah terdiri daripada mereka yang mendapat pendidikan pada tahap sekolah menengah iaitu seramai 316 orang (62.5%), diikuti dengan sekolah rendah seramai 100 orang (19.8%), kolej atau politeknik seramai 47 orang (9.3%), universiti 32 orang (6.3%), tiada pendidikan formal 10 orang (2.0%) dan lain-lain adalah seorang iaitu 0.2%.

Bagi Jadual 5.2.3 seperti yang di berikan di bawah adalah berkaitan dengan pengetahuan asas mereka tentang MSC. Seramai 367 orang responden menyatakan bahawa mereka pernah melihat logo MSC dan 139 orang lagi pula tidak pernah melihatnya. Manakala hanya 320 orang sahaja yang mengetahui nama logo tersebut dan 47 orang lagi tidak pasti apakah logo tersebut walaupun mereka pernah melihatnya.

Bagi mereka yang pernah melihat atau mengetahui tentang logo tersebut, seramai 211 orang menyatakan mereka melihatnya di media elektronik seperti televisyen, 130 orang melihat di media cetak seperti akhbar, buku, majalah dan sebagainya dan internet 11 orang. Manakala seramai 9 orang mengetahui tentang logo tersebut berdasarkan sumber lisan seperti jiran, rakan-rakan atau anak-anak mereka, lain-lain seramai 4 orang dan tidak pasti pula adalah seramai 2 orang.

Pengetahuan Asas Tentang MSC	%	Bilangan Responden
a. Pernah melihat logo MSC		
Ya	72.5	367
Tidak	27.5	139
b. Jika Ya, nama logo		
Koridor Raya Multimedia	87.2	320
Tidak Pasti	12.8	47
c. Di mana		
Media Elektronik	57.5	211
Media Cetak	35.4	130
Internet	3.0	11
Lisan	2.5	9
Lain-lain	1.1	4
Tidak pasti	0.5	2

Jadual 5.2.3: Pengetahuan Asas Tentang MSC (Surirumah)

Manakala Jadual 5.2.4 pula adalah berkaitan dengan pengetahuan surirumah tentang MSC. Secara keseluruhannya surirumah di Malaysia sama ada di kawasan bandar atau luar bandar boleh dikatakan kurang daripada 50% yang mengetahui tentang MSC. Ini menunjukkan bahawa mereka masih lagi tidak mengetahui dan sedar tentang apa itu MSC samada dari segi objektif, kawasan liputan dan penubuhan MSC itu dan sebagainya.

Kedadaan ini mungkin disebabkan oleh faktor sikap surirumah itu sendiri yang tidak mengambil tahu tentang perkembangan dunia IT di negara kita. Mereka berpendapat IT adalah tidak ada kaitan dengan urusan mereka seharian. Rutin harian mereka di rumah seperti memasak, membasuh, mengemas rumah dan menjaga anak-anak tidak ada hubungan langsung dengan penggunaan IT.

Walaupun lebih separuh jumlah responden yang mengetahui objektif MSC iaitu sebanyak 54.3% namun ini masih lagi di tahap kurang kesedaran dan kefahaman mereka tentang MSC kerana banyak perkara lain tentang MSC yang mereka tidak ketahui.

Pengetahuan Tentang <i>MSC</i>	Suri Rumah	
	N	%
a. Objektif <i>MSC</i> Mengubah Malaysia kepada k-ekonomi	275	54.3
b. Tahun penubuhan 1996	49	9.7
c. Apakah <i>MSC</i> Projek Nasional	238	47.0
d. Pengurusan <i>MSC</i> Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC)	146	28.9
e. Tiada dalam kawasan <i>MSC</i> Litar F1 Sepang	125	24.7
f. Undang-undang IT Undang-undang Siber	122	24.1
g. Bukan Bandar Siber Subang Jaya	263	52.0
h. Universiti di Cyberjaya Universiti Multimedia	243	48.0
i. Laman web <i>MSC</i> www.msc.com.my	158	31.2

Jadual 5.2.4: Pengetahuan Tentang *MSC* (Surirumah)

Kenyataan Tentang MyKad	Surirumah	
	n	%
a. Bukan fungsi MyKad Sijil Perkahwinan	279	55.1
b. Agensi Kerajaan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)	357	70.6

Jadual 5.2.5: Aplikasi MyKad.

Manakala Jadual 5.2.5 pula adalah berkaitan dengan aplikasi Mykad. Kajian yang di jalankan oleh pengkaji ini juga meliputi pengetahuan surirumah tentang fungsi Mykad dan agensi kerajaan yang melaksanakan Mykad tersebut. Memandangkan negara kita mewajibkan setiap rakyatnya memiliki Mykad, maka hampir keseluruhan responden yang di temui oleh pengkaji menyatakan mereka mengetahui apa itu Mykad. Sebanyak 279 orang responden daripada jumlah keseluruhan iaitu 506 yang mengetahui bahawa sijil perkahwinan tidak termasuk dalam fungsi Mykad.

Manakala sebanyak 357 orang responden (70.6%) pula menyatakan mereka membuat Mykad tersebut di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan selebihnya ada yang menyatakan membuatnya di Jabatan Imegresen dan sebagainya. Berdasarkan hasil kajian secara bersemuka yang di jalankan, kebanyakan mereka yang tidak mengetahui di mana mereka membuat Mykad tersebut adalah rata-rata mereka yang telah berusia 50 tahun hingga 57 tahun. Mereka sekadar mengikut anak-anak mereka membuat Mykad sahaja tanpa mengetahui tempat tersebut. Pengkaji tidak memasukkan segala data yang diperolehi ini dalam jadual kerana kebanyakan daripada mereka tidak dapat menyatakan secara terperinci di mana mereka membuat Mykad tersebut dan ramai di antara mereka yang tidak pasti tempat tersebut.

Bagi pengetahuan tentang aplikasi E-Kerajaan yang terdapat dalam Jadual 5.2.6 yang telah di sediakan oleh pengkaji, tidak ramai di kalangan surirumah yang mengetahui tentang aplikasi E-Kerajaan yang terdapat dalam projek MSC ini. Untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan, hanya 197 orang (38.9%) responden sahaja yang mengetahuinya. Manakala seramai 132 orang (26.1%) sahaja yang mengetahui aplikasi *on-line* yang membantu masyarakat untuk berinteraksi dan membuat transaksi dengan sektor kerajaan. Lazimnya hanya surirumah di kawasan bandar sahaja yang lebih mengetahui tentang bahagian ini. Bagi surirumah di kawasan luar bandar pula, mereka kurang mendapat pendedahan dengan E-Kerajaan dan sistem *on-line* yang disediakan.

Oleh itu, sewajarnya pihak kerajaan dan MDC perlu memperluaskan usaha mereka untuk memberi kefahaman tentang perkara ini bagi mereka yang berada di kawasan luar bandar. Tumpuan yang serius harus di berikan agar agihan teknologi dapat disamaratakan.

Pengetahuan Aplikasi E-Kerajaan	Surirumah	
	N	%
a. Kualiti perkhidmatan kerajaan E-Kerajaan	197	38.9
b. Aplikasi on-line E-Khidmat	132	26.1

Jadual 5.2.6: Pengetahuan Aplikasi E-Kerajaan.

Begitu juga dengan pengetahuan golongan surirumah tentang aplikasi tele-kesihatan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ini. Berdasarkan Jadual 5.2.7 seperti di bawah, hanya 183 orang (36.2%) dari responden sahaja yang mengetahui peranan tele-kesihatan yang di sediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama MSC ini. Keadaan ini ternyata menunjukkan bahawa masyarakat di Malaysia belum lagi sepenuhnya mengaplikasikan sepenuhnya kemudahan yang telah di sediakan oleh kerajaan ini.

Pengetahuan Aplikasi Telekesihatan	Surirumah	
	N	%
a. Kualiti perkhidmatan kesihatan Tele-kesihatan	183	36.2

Jadual 5.2.7: Pengetahuan Tentang Aplikasi Telekesihatan.

Situasi berlainan pula dengan pengetahuan surirumah tentang kewujudan sekolah bestari. Seramai 305 orang (60.3%) responden atau lebih separuh daripada jumlah keseluruhan responden yang mengetahui tentang sekolah bestari. Ini boleh di lihat

berdasarkan Jadual 5.2.8. Kebanyakan dari mereka mengetahuinya dari anak-anak mereka yang masih lagi bersekolah.

Walau bagaimanapun tidak semua dari 305 orang tersebut mengetahui badan apakah yang berperanan mewujudkan sekolah bestari tersebut. Hanya 214 orang (42.3%) sahaja yang menyatakan jawapan yang betul. Berdasarkan pengalaman pengkaji, kebanyakan dari mereka lebih senang memberi jawapan tidak pasti.

MSC dan Pendidikan	Surirumah	
	N	%
a. Sistem pendidikan Sekolah Bestari	305	60.3
b. Pembangunan aplikasi Kementerian Pendidikan dan Perbadanan Pembangunan Multimedia	214	42.3

Jadual 5.2.8: MSC dan Pendidikan.

Tanggapan Kepada Pelaksanaan MSC	Surirumah	
	N	%
Tanggapan Kepada Pelaksanaan MSC		
a. Ia adalah permulaan yang baik.	126	24.9
b. Ia sedang bergerak sepenuhnya ke arah merealisasikan objektif	60	11.9
c. Meletakkan Malaysia terkehadapan dalam teknologi ICT	114	22.5
d. Meletakkan Malaysia dalam peta dunia ICT	51	10.1
e. Lualan cemerlang masa depan dalam dunia siber	75	14.8
f. Lain-lain	80	15.8

Jadual 5.2.9: Tanggapan Kepada Pelaksanaan MSC

Jadual 5.2.9 pula adalah berkaitan dengan tanggapan surirumah terhadap pelaksanaan MSC. Seramai 126 orang (24.9%) menyatakan bahawa ia adalah permulaan yang baik. Manakala seramai 114 orang (22.5%) pula memberi tanggapan bahawa ianya meletakkan Malaysia terkehadapan dalam teknologi ICT. 75 orang (14.8%) pula menyatakan ia adalah laluan cemerlang masa depan dalam dunia siber, 60 orang (11.9%) pula menyatakan bahawa pelaksanaan MSC ini sedang bergerak sepenuhnya ke arah merealisasikan objektif dan seramai 51 orang (10.1%) pula menyatakan bahawa ianya telah meletakkan Malaysia dalam peta dunia ICT. Selebihnya lagi iaitu 80 orang (15.8%) pula menyatakan lain-lain. Bagi yang memberi tanggapan lain-lain ini adalah terdiri dari golongan surirumah yang tidak mengetahui apa-apa pun hal yang berkaitan dengan MSC.

Bagi mereka yang mengetahui tentang MSC, pengkaji telah menyenaraikan beberapa saluran yang boleh dipilih oleh mereka. Ini boleh di lihat berdasarkan Jadual 5.2.10. Antaranya seramai 37 orang menyatakan mereka mendapat maklumat MSC dari internet, 204 orang dari televisyen, 25 orang dari radio, 119 orang dari akhbar, 12 orang dari majalah dan 31 orang dari kawan-kawan. Manakala seramai 2 orang menyatakan bahawa mereka mendapat maklumat tentang MSC dari guru atau pensyarah, lain-lain 73 orang dan tidak pasti 2 orang. Secara puratanya, kebanyakan mereka mendapat maklumat tentang MSC ini dari media elektronik seperti televisyen dan radio. Ternyata media elektronik sememangnya amat berkesan dalam menyebarkan sesuatu maklumat kepada umum.

Seharusnya pihak MDC menggunakan sepenuhnya media elektronik ini sebagai saluran utama kempen mereka dalam memberi kefahaman tentang MSC.

Saluran Maklumat MSC	Surirumah	
	n	%
<i>Saluran Maklumat MSC</i>		
a. Internet	37	7.3
b. Televisyen	204	40.3
c. Radio	25	4.9
d. Akhbar	119	23.5
e. Majalah	12	2.4
f. Kawan	31	6.1
g. Guru/Pensyarah	2	0.4
h. Lain-lain	74	14.7
i. Tidak pasti	2	0.4

Jadual 5.2.10: Saluran Maklumat MSC

5.3 Bahagian B Borang Soal Selidik Adalah Berkaitan Dengan Implementasi Kerajaan

Inisiatif MSC	Surirumah	
	n	%
1. Pihak Yang Terlibat Dalam Pelaksanaan MSC		
Sektor Kerajaan	229	45.3
Sektor Swasta	62	12.3
Universiti	17	3.4
Lain-lain	2	0.4
Tidak pasti	196	38.7
2. Promosi Kerajaan Terhadap Inisiatif MSC		
Ya	317	62.6
Tidak	188	37.2

Jadual 5.3.1: Inisiatif MSC

Jadual 5.3.1 pula adalah berkaitan dengan inisiatif MSC. Jika di lihat keseluruhannya masih ramai lagi golongan surirumah yang tidak menegetahui tentang inisiatif kerajaan iaitu siapakah yang terlibat dalam pelaksanaan MSC ini. Secara umumnya mereka berpendapat jika besar sesuatu projek tersebut maka ianya adalah suatu projek yang dikendalikan oleh pihak kerajaan. Oleh itu seramai 229 orang (45.3%) responden yang menyatakan sektor kerajaan adalah pihak yang terlibat dalam pelaksanaan MSC, 62 orang (12.3%) menyatakan ianya adalah di laksanakan oleh sektor swasta, 17 orang (3.4%) di laksanakan oleh universiti memandangkan pengkaji adalah dari universiti, lain-lain 2 orang (0.4%) dan tidak pasti seramai 196 orang (38.7%).

Bagi polisi celik ICT pula adalah berdasarkan Jadual 5.3.2. Seramai 54 orang (10.7%) menyatakan bahawa kerajaan tiada polisi langsung untuk memperlihatkan komitmen mereka dalam dunia celik IT. Manakala 68 orang (13.4%) menyatakan bahawa ada tetapi masih dalam perbincangan. Mereka menyatakan sedemikian kerana apa yang mereka lihat MSC pada hari ini tidak begitu diketahui oleh ramai orang. Seramai 116 orang

(22.9%) pula menyatakan bahawa ada dan baru hendak dilaksanakan, 183 orang (36.2%) pula menyatakan bahawa ada tetapi sebahagian yang telah dilaksanakan dan 83 orang (16.4%) pula menyatakan ada polisi dan telah dilaksanakan sepenuhnya. Bagi yang menyatakan tidak pasti pula adalah 2 orang (0.4%).

Polisi Celik <i>ICT</i>	Surirumah	
	N	%
a. Usaha celik <i>ICT</i>		
Tiada polisi langsung	54	10.7
Ada tetapi masih dalam perbincangan	68	13.4
Ada dan baru hendak dilaksanakan	116	22.9
Ada tetapi sebahagian yang dilaksanakan	183	36.2
Ada dan telah dilaksanakan sepenuhnya	83	16.4
Tidak pasti	2	0.4

Jadual 5.3.2: Polisi Celik *ICT*.

Golongan surirumah di kawasan bandar dan luar bandar juga telah ditanya apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk memastikan lebih ramai penduduk mendapat maklumat tentang K-Ekonomi.

Seramai 197 orang menyatakan bahawa kerajaan harus mensubsidi pembelian komputer (termasuk pengecualian cukai) adalah satu usaha yang baik untuk memastikan lebih ramai penduduk mendapat maklumat tentang K-Ekonomi. Selain itu, seramai 171 orang pula menyarankan agar kerajaan mensubsidi perkhidmatan asas internet. Manakala seramai 101 orang menyatakankan pemasangan kios awam pastinya akan mendorong ke arah masyarakat berpengetahuan K-Ekonomi. 17 orang pula menyatakan lain-lain dan 20 orang pula adalah tidak pasti. Ini boleh di lihat berdasarkan Jadual 5.3.3.

K-Ekonomi	Surirumah	
	N	%
a. K-ekonomi		
Pemasangan Kioks Awam	101	20.0
Kerajaan mensubsidi perkhidmatan asas Internet	171	33.8
Kerajaan mensubsidi pembelian komputer (termasuk pengecualian cukai)	197	38.9
Lain-lain	17	3.4
Tidak pasti	20	4.0

Jadual 5.3.3: Usaha Memastikan Masyarakat Mengetahui K-ekonomi

Untuk Jadual 5.3.4 pula, adalah berkaitan dengan penghalang perkembangan penguasaan *on-line* di Malaysia. Seramai 57 orang menyatakan bahawa kekurangan infrastruktur telah menghalang penguasaan *on-line* di negara kita. Manakala 38 orang menyatakan kekurangan sumber, 132 orang menyatakan tahap celik IT yang rendah, dan seramai 74 orang pula menyatakan bahawa tahap kesedaran yang rendah diperingkat polisi. Selain itu, seramai 43 orang menyatakan bahawa kurangnya insentif awam, 24 orang menyatakan kurangnya penggunaan internet, lain-lain 125 orang dan tidak pasti seramai 14 orang.

Kesemua penghalang *on-line* di negara kita yang dinyatakan ini adalah faktor utama yang mendorong terhalangnya ketersampaian perkembangan teknologi maklumat di kalangan masyarakat terutamanya golongan surirumah yang sememangnya agak sukar untuk menerima sebarang perkembangan semasa dunia.

Penghalang Penguasaan on-line	Surirumah	
	N	%
Kekurangan Infrastruktur	57	11.3
Kekurangan Sumber	38	7.5
Tahap Celik IT Yang Rendah	132	26.1
Tahap Kesedaran Rendah Di Peringkat Polisi	74	14.6
Kurangnya Insentif Awam	43	8.5
Kurangnya Penggunaan Internet	24	4.7
Lain-Lain	125	24.5
Tidak Pasti	14	2.8

Jadual 5.3.4: Penghalang Perkembangan Penguasaan On-Line

Sesungguhnya Malaysia sememangnya telah menggunakan teknologi kad pintar. Oleh itu tidak menghairankan jika hampir keseluruhan surirumah di Malaysia mengetahui bahawa Malaysia memang menggunakan teknologi kad pintar ini. Ini boleh dilihat berdasarkan Jadual 5.3.5 di bawah di mana seramai 416 orang (82.2%) responden menyatakan bahawa mereka mengetahui kewujudan kad pintar ini. Manakala seramai 86 orang (17.0%) pula menyatakan tidak dan tidak pasti pula adalah seramai 4 orang (0.8%).

Teknologi Kad Pintar	Surirumah	
	N	%
<i>a. Penggunaan Kad Pintar</i>		
Ya	416	82.2
Tidak	86	17.0
Tidak pasti	4	0.8

Jadual 5.3.5: Penggunaan Teknologi Kad Pintar

5.4 Bahagian C Borang Soal Selidik Adalah Berkaitan Dengan Maklumat Umum Responden .

Bahan Bacaan	Surirumah	
	n	%
a. Suratkhobar	319	63.0
b. Buku (akademik dan umum)	7	1.4
c. Majalah	26	5.1
d. Komik	3	0.6
e. Novel	2	0.4
f. Lain-lain	144	28.5
g. Tidak pasti	5	1.0

Jadual 5.4.1: Bahan Bacaan Yang Kerap Dibaca

Jadual 5.4.1 adalah berkaitan dengan bahan bacaan yang kerap di baca oleh golongan surirumah. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, pengkaji mendapati hampir keseluruhan surirumah membaca surat khabar iaitu seramai 319 orang (63.0%), majalah 26 orang (5.1%), komik 3 orang (0.6%), novel 2 orang (0.4%) dan tidak pasti seramai 5 orang (1.0%). Selain itu ada juga surirumah yang membaca buku termasuklah buku akademik dan juga buku yang bersifat umum iaitu seramai 7 orang (1.4%). Menurut mereka buku yang mereka baca itu adalah buku-buku pendidikan anak-anak mereka. Manakala lain-lain pula adalah seramai 144 orang (28.5%).

Kekarapan membaca adalah faktor utama yang mendorong ke arah masyarakat yang bermaklumat dan secara tidak langsung dapat mewujudkan masyarakat yang bukan sahaja celik huruf tetapi juga celik teknologi maklumat. Berdasarkan tinjauan yang telah di jalankan sememangnya menunjukkan bahawa surirumah di Malaysia amat kurang membaca buku sama ada buku yang berbentuk akademik mahupun yang bersifat umum.

Bagi Jadual 5.4.2 pula menunjukkan kekerapan membaca surirumah di Malaysia yang termasuk dalam kajian pengkaji. Seramai 249 orang menyatakana bahawa mereka

membaca setiap hari, 148 orang menyatakan bahawa mereka membaca 2 hingga 3 kali seminggu dan sekali seminggu adalah seramai 26 orang.

Manakala seramai 72 orang menyatakan bahawa mereka hanya jarang-jarang membaca kerana faktor masa yang tidak mengizinkan untuk mereka membaca. Kesibukan mereka seharian dalam menguruskan rumah tangga menghalang mereka untuk membaca setiap hari. Walau bagaimanapun ada juga di kalangan golongan surirumah ini yang tidak membaca langsung. Kebanyakan di antara mereka yang tidak membaca ini adalah terdiri dari mereka yang sudah berumur dan buta huruf iaitu seramai 6 orang.

Kekerapan Membaca	Surirumah	
	n	%
a. Tiap-Tiap Hari	249	49.2
b. 2-3 Kali Seminggu	148	29.2
c. Sekali Seminggu	26	5.1
d. Jarang-Jarang	72	14.2
e. Tidak Langsung	10	2.0
a. Tidak Pasti	1	0.2

Jadual 5.4.2: Kekerapan Membaca.

Untuk mengetahui tentang keadaan persekitaran golongan sasaran pengkaji juga turut melihat kekerapan responden menonton televisyen. Berdasarkan Jadual 5.4.3, seramai 381 orang surirumah menyatakan bahawa mereka menonton setiap hari, 78 orang pula adalah 2 hingga 3 kali seminggu. Manakala 5 orang menyatakan bahawa mereka menonton sekali seminggu, 36 orang jarang-jarang dan 6 orang tidak menonton langsung.

Kekerapan Menonton	Surirumah	
	n	%
a. Tiap-Tiap Hari	381	75.3
b. 2-3 Kali Seminggu	78	15.4
c. Sekali Seminggu	5	1.0
d. Jarang-Jarang	36	7.1
e. Tidak Langsung	6	1.2

Jadual 5.4.3: Kekerapan Menonton.

Jadual 5.4.4 seperti di bawah pula adalah berkenaan dengan penggunaan komputer di kalangan surirumah sasaran pengkaji. Jadual ini mengambil kira surirumah yang hanya menyatakan bahawa mereka mempunyai komputer sahaja. Separuh daripada mereka yang mempunyai komputer menyatakan bahawa mereka pernah menggunakan komputer iaitu seramai 265 orang (52.4%) manakalan seramai 241 orang (47.6%) pula menyatakan tidak pernah menggunakannya walaupun di rumah mereka terdapat komputer. Ini kerana komputer di rumah mereka di sediakan hanya untuk kegunaan anak-anak mereka yang masih lagi belajar sama ada pada peringkat sekolah mahupun IPT.

Bagi mereka yang menyatakan pernah menggunakan komputer menyatakan terdapat beberapa tempat di mana mereka menggunakannya seperti di rumah seramai 143 orang (54.0%), di pejabat 48 orang (18.1%), di kafe siber 22 orang (8.3%), makmal komputer seramai 2 orang (0.8%), lain-lain seramai 48 orang (18.0%) dan tidak pasti pula seramai 2 orang (0.8%). Bagi mereka yang menggunakan komputer di pejabat, pengkaji telah di beritahu bahawa mereka menggunakannya di pejabat suami sekadar untuk menolong kerja-kerja suami. Begitu juga dengan mereka yang menggunakannya di makmal komputer.

Lazimnya mereka menggunakan komputer untuk menyiapkan tugas iaitu seramai 90 orang, 50 orang melayari internet, menggunakan perkhidmatan emel, pula adalah seramai 20 orang. Selain itu, seramai 15 orang menyatakan bahawa mereka menggunakan

komputer untuk urusan perniagaan, lain-lain 76 orang dan tidak pasti pula adalah seramai 14 orang.

Teknologi Komputer	Surirumah	
	n	%
a. Penggunaan Komputer		
Ya	265	52.4
Tidak	241	47.6
b. Jika Ya, Di mana		
Rumah	143	54.0
Pejabat	48	18.1
Kafe Siber	22	8.3
Makmal Komputer	2	0.8
Lain-lain	48	18.0
Tidak pasti	2	0.8
c. Tujuan		
Membuat tugas	90	34.0
Melayari Internet	50	18.9
E-mel	20	7.5
Perniagaan	15	5.7
Lain-lain	76	28.6
Tidak pasti	14	5.3

Jadual 5.4.4: Penggunaan Komputer.

Jadual 5.4.5 adalah tentang pengetahuan surirumah terhadap MSC. Lebih dari separuh dari jumlah keseluruhan responden iaitu seramai 298 orang (58.9%) mengetahui tentang projek MSC ini. Namun mereka sekadar mengetahui secara luaran sahaja tanpa mengetahuinya secara mendalam. Ini dapat dilihat untuk soalan seterusnya iaitu lokasi MSC di mana hanya 189 orang (37.4%) sahaja yang mengetahui di mana letaknya MSC. Seramai 177 orang (35.0%) sahaja yang mengetahui tujuan kerajaan persekutuan menubuhkan MSC dan bagi jenis syarikat yang bertapak di MSC, hanya 69 orang (13.6%) sahaja yang mengetahuinya.

Jika dilihat pada soalan 8 bahagian C ini iaitu apakah projek-projek yang diketahui oleh mereka berdasarkan apa yang telah disenaraikan, ternyata masih ramai lagi golongan surirumah di Malaysia tidak mendapat pendedahan secukupnya tentang projek kerajaan ini. Ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 5.4.5. Paling ramai hanya mengetahui tentang Mykad dan sekolah bestari. Pengkaji juga berpendapat tidak hairan jika memang ramai di kalangan surirumah mendapat lebih pengetahuan tentang kedua-dua perkara tersebut. Sememangnya Mykad dan sekolah bestari adalah projek MSC yang paling menonjol berbanding dengan yang lain.

Pengetahuan Tentang <i>MSC</i>	Surirumah	
	n	%
a. Pengetahuan Umum Mengenai <i>MSC</i>		
Tentang <i>MSC</i>	298	58.9
Lokasi/Kedudukan <i>MSC</i>	189	37.4
Tujuan Kerajaan Persekutuan menubuhkan <i>MSC</i>	177	35.0
Jenis Syarikat bertapak di <i>MSC</i>	69	13.6
b. Projek <i>MSC</i> yang diketahui		
Sekolah Bestari	31	6.1
e-Kerajaan	8	1.6
e-Bisnes	0	0
MyKad	83	16.4
<i>Outsourcing</i>	1	0.2
Telekesihatan	3	0.6
Penyelidikan & Pembangunan (R&D)	4	0.8
Multimedia Kreatif	12	2.4
Pembangunan Usahawan Teknologi	5	1.0
Lain-lain	350	69.1
Tidak pasti	9	1.8

Jadual 5.4.5: Pengetahuan *MSC* (Surirumah)

Bagi Jadual 5.4.6 seperti yang di berikan di bawah, lebih dari 50% golongan surirumah yang bersetuju dengan sumbangan yang di berikan oleh *MSC* kepada

masyarakat terutamanya golongan mereka ini. Seramai 320 orang (63.2%) menyatakan setuju bahawa MSC telah menyumbangkan terhadap peningkatan prestasi kerja. Ini kerana dengan adanya MSC maka segala kerja-kerja dapat disediakan dengan baik sekali. Walau bagaimanapun masih ada juga di kalangan surirumah ini yang sangat tidak bersetuju dengan kenyataan ini iaitu seramai 12 orang (2.4%).

Manakala seramai 291 orang (57.5%) pula bersetuju bahawa MSC telah menyenangkan usaha mengadakan jaringan di kalangan rakan sekerja dan hubungan dalam dan luar negara. Berbanding sebelum ini, masyarakat hanya berhubungan dengan rakan sekerja mengambil masa yang agak lama dan kos yang agak mahal, tetapi dengan adanya teknologi ICT segalanya menjadi mudah dan cepat. Namun seramai 14 orang (2.8%) sangat tidak setuju dengan kenyataan tersebut.

Seramai 304 orang (60.1%) bersetuju bahawa MSC telah memudahkan usaha mencari maklumat umum dan khusus untuk keperluan kerja dan seramai 8 orang (1.6%) pula adalah sangat tidak setuju. Manakala seramai 296 orang (58.5%) bersetuju bahawa MSC memudahkan pencarian maklumat peringkat tempatan dan global dan seramai 10 orang (2.0%) pula adalah sangat tidak setuju.

Selain itu, seramai 296 orang (58.5%) bersetuju bahawa MSC meninggikan status dan meletakkan mereka dalam kategori orang yang berpengetahuan dan seramai 20 orang (4.0%) adalah sangat tidak bersetuju dengan pandangan tersebut.

Sementara itu seramai 279 orang (55.1%) menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan kenyataan MSC membuka dunia baru kepada mereka. Manakala masih ada juga yang sangat tidak setuju iaitu seramai 22 orang (4.3%). Selain itu, seramai 193 orang (38.1%) bersetuju bahawa MSC membuat dirinya berasa bebas dan seramai 42 orang (8.3%) pula adalah sangat tidak setuju dengan pendapat tersebut. Mereka berpendapat walaupun dengan adanya kemudahan ICT terutamanya perkhidmatan internet masyarakat masih lagi di lingkari dengan adat-adat tertentu yang menyekat kebebasan seseorang itu.

Berbeza dengan yang lain, lebih ramai surirumah yang kurang setuju dengan kenyataan bahawa MSC membuatkan seseorang manusia itu bergaul. Ini kerana walaupun ada kemudahan berhubung dan segala-galanya, setiap manusia itu perlu menjalin hubungan secara bersemuka di antara satu sama lain tidak kira samada antara jiran, sahabat mahupun sesama keluarga. Dan seramai 21 orang (4.2%) pula adalah sangat setuju dengan kenyataan tersebut. Mereka pula berpendapat sebaliknya. Dengan adanya kemudahan berhubung manusia pada hari ini sudah tidak lagi perlu berkunjung mengunjungi antara satu sama lain. Ini dapat di lakukan melalui komputer dari rumah masing-masing.

Secara puratanya rata-ratanya responden sasaran pengkaji bersetuju bahawa MSC merupakan satu perkara yang baik untuk masyarakat. Bagi mereka banyak faedah yang diperolehi dengan adanya projek MSC ini. Segala-galanya menjadi cepat dan mudah dengan kos yang murah. Namun, setiap kebaikan pasti ada keburukannya. Seramai 13 orang responden surirumah yang sangat tidak bersetuju dengan pendapat ini. Mereka berpendapat bahawa MSC telah banyak mendatangkan gejala tidak sihat serta melalaikan terutama bagi golongan remaja.

Secara umumnya, surirumah Malaysia bersetuju dengan setiap pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji. Ini memang menjadi kelaziman sikap masyarakat Malaysia yang suka mengambil jalan tengah iaitu hanya membuat pilihan “setuju” untuk apa jua yang dinyatakan. Jarang ada yang benar-benar berani untuk menyatakan “sangat setuju” ataupun “sangat tidak setuju”.

Sumbangan <i>MSC</i>	Sangat Tidak Setuju %	Tidak Setuju %	Kurang Setuju %	Setuju %	Sangat Setuju %	Tidak Pasti %
a. <i>MSC</i> telah menyumbang terhadap peningkatan prestasi kerja.	2.4 (12)	7.5 (38)	15.4 (78)	63.2 (320)	11.3 (57)	0.2 (1)
b. <i>MSC</i> telah menyenangkan usaha mengadakan jaringan di kalangan rakan sekerja dan hubungan dalam dan luar negara.	2.8 (14)	5.9 (30)	1.6 (84)	57.5 (291)	17.0 (86)	0.2 (1)
c. <i>MSC</i> telah memudahkan usaha cari maklumat umum dan khusus utk keperluan kerja.	1.6 (8)	5.7 (29)	12.8 (65)	60.1 (304)	19.6 (99)	0.2 (1)
d. <i>MSC</i> mudahkan pencarian maklumat peringkat tempatan / global.	2.0 (10)	4.5 (23)	16.2 (82)	58.5 (296)	18.2 (92)	0.6 (3)
e. <i>MSC</i> meninggikan status dan meletakkan saya dalam kategori orang berpengetahuan.	4.0 (20)	7.1 (36)	16.6 (84)	58.5 (296)	13.4 (68)	0.4 (2)
f. <i>MSC</i> buka dunia baru kepada saya.	4.3 (22)	8.1 (41)	20.0 (101)	55.1 (279)	12.3 (62)	0.2 (1)
g. <i>MSC</i> buat diri saya rasa bebas.	8.3 (42)	12.3 (62)	34.8 (176)	38.1 (193)	5.5 (28)	1.0 (5)
h. <i>MSC</i> buat manusia kurang bergaul.	18.2 (92)	25.1 (127)	32.8 (166)	19.4 (98)	4.2 (21)	0.4 (2)
i. Secara umum <i>MSC</i> merupakan satu perkara yg baik untuk masyarakat.	2.6 (13)	6.7 (34)	10.7 (34)	54.3 (275)	25.5 (129)	0.2 (1)

Jadual 5.4.6: Sumbangan *MSC* kepada Masyarakat (Surirumah)

Pada akhir borang soal selidik yang diedarkan, pengkaji meminta setiap surirumah mengemukakan pendapat atau cadangan untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai MSC. Ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 5.4.7 seperti di bawah.

Pengetahuan Tentang MSC	Surirumah	
	N	%
<i>Cadangan Mempertingkatkan Pengetahuan Masyarakat Mengenai MSC</i>		
a. Kempen/Ceramah/Seminar	56	11.1
b. Promosi/Iklan/Risalah/Maklumat	92	18.2
c. Kemudahan/Infrastruktur	41	8.1
d. Aktiviti dan Program MSC	23	4.5
e. Lain-lain	1	0.2

Jadual 5.4.7: Cadangan Mempertingkatkan Pengetahuan Masyarakat Mengenai MSC

Seramai 56 orang (11.1%) mencadangkan agar pihak kerajaan atau MDC mengadakan kempen, ceramah atau seminar yang lebih banyak lagi untuk meningkatkan kefahaman mereka terhadap MSC. Seramai 92 orang (18.2%) pula mencadangkan agar diadakan promosi, iklan, risalah serta penyebaran maklumat yang lebih meluas lagi terutama bagi mereka yang berada di luar kawasan liputan MSC.

Selain itu, seramai 41 orang (8.1%) mencadangkan agar diadakan lebih banyak lagi kemudahan serta infrastruktur yang berkaitan dengan ICT. Manakala seramai 23 orang (4.5%) pula berpendapat supaya aktiviti dan program-program yang berkaitan dengan MSC dipergiatkan lagi keserata tempat agar ada yang tidak tercicir dari arus perkembangan teknologi maklumat.

Kesimpulannya masih ramai lagi golongan surirumah di Malaysia yang tidak mendapat pendedahan yang sepenuhnya tentang MSC. Kefahaman mereka tentang MSC

juga amat cetek. Keadaan ini tidak banyak bezanya antara surirumah di kawasan bandar mahupun mereka yang berada di luar bandar. Walaupun ramai di kalangan surirumah di kawasan bandar selalu mendengar tentang projek MSC ini kerana mereka berada berhampiran dengan kawasan liputan MSC namun, secara khususnya mereka tidak mengetahui apakah itu MSC secara lebih terperinci. Pihak berkaitan seharusnya terus mempergiatkan lagi usaha meningkatkan kefahaman mereka terhadap projek kerajaan untuk memperkasakan dunia IT di negara kita.